

22/11/1999

Tanya Pas Perlis, kata Harun Din

BUTTERWORTH, Ahad - Bekas pensyarah universiti Datuk Harun Din enggan mengulas mengapa beliau tidak dicalonkan untuk bertanding dalam pilihan raya kali ini, walaupun pernah mengesahkan akan bertanding atas tiket Pas.

Apabila ditanya wartawan, yang ingin mengetahui terus daripada beliau, Harun berkata: "Saya serahkan kepada parti".

Beliau enggan mengulas dan apabila ditanya sekali lagi Harun mengulangi: "Tanya Pas Perlis".

Harun yang ditemui wartawan di lobi sebuah hotel di Seberang Jaya dekat sini, bagaimanapun mengaku namanya ada dalam senarai calon.

"Nama saya terakhir dalam senarai calon itu..sama seperti dalam perlawanan bola sepak, saya dalam pasukan simpanan," katanya.

Harun berkata beliau tidak pernah berkata akan `bertanding' tetapi bahawa beliau akan `lawan'. Minggu lalu, beliau dilaporkan sebagai berkata akan bertanding menentang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen Kubang Pasu.

"Saya akan ke seluruh negara akan berceramah di perhimpunan Pas untuk mendapatkan sokongan bagi parti yang saya yakin akan mengekalkan semula pemerintahan Kelantan serta mencapai kejayaan di Perlis dan Terengganu," katanya.

Sementara itu di Kangar, Pesuruhjaya Pas negeri, Hashim Jasin, menafikan penguguran Harun Din, adalah disebabkan perpecahan dalam kepimpinan parti itu.

Beliau yang dihubungi di rumahnya di Arau hari ini sebaliknya menuduh BN cuba memecah-belahkan penyokong parti dengan menjadikannya (pengguguran Harun) isu politik.

"Saya kekal dengan kenyataan semalam bahawa Harun digugurkan kerana sebab teknikal. Ia dilakukan atas permintaan beliau (Harun) sendiri," katanya.

Semalam, Hashim berkata nama Harun digugurkan daripada senarai Pas kerana kemungkinan menghadapi tindakan mahkamah sehingga boleh menyebabkan beliau diisytiharkan muflis kerana menjadi penjamin bagi suatu pinjaman.

"Kami tahu kes ini akan berlaku kerana beliau sebelum ini sudah menelefon saya tiga kali meminta digugurkan supaya tidak timbul masalah kepada parti.

"Oleh itu, saya menafikan sekeras-kerasnya khabar angin bahawa Pas sengaja menggugurkan Dr Harun. Tidak timbul percaturan politik dalaman disebabkan kami tidak berebut kerusi (jawatan) seperti parti lawan.

"Sebagai bukti, hanya saya dan Faisal (Abdul Rahman, Setiausaha Dewan Pemuda Pas Perlis) muka lama dalam senarai calon barisan alternatif di negeri ini," katanya.

Ada berpendapat tindakan Pas mengetepikan Dr Harun ada kaitan dengan percaturan politik dalaman Pas Perlis yang tidak mahu beliau dilantik sebagai Menteri Besar sekiranya berjaya menawan negeri ini kerana masih baru dalam parti itu.

Harun yang pada mulanya disenaraikan sebagai calon untuk menentang Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim di Tambun Tulang, tetapi diganti dengan Ketua Pemuda Pas Perlis, Ismail Ahmad.

Hashim berkata Harun akan kembali ke Perlis esok untuk meneruskan kempen bagi Pas dan ini sekali gus akan membuktikan tidak berlaku sebarang perpecahan dalam kepimpinan Pas Perlis.

Di ALOR STAR Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menafikan dakwaan Pas

kononnya beliau memiliki fail kes muflis Harun Din sehingga menyebabkan ulama Pas itu tidak bertanding pada pilihan raya ini.

"Saya tak tahu. Bukan kerja saya simpan fail orang. Cuma Anwar (Datuk Seri Anwar Ibrahim) kutip fail selama kerja dengan kerajaan. Simpan yang diguna untuk ugut orang," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengakui Barisan Nasional (BN) mungkin menggunakan perkara itu sebagai isu pilihan raya jika Harun bertanding walaupun tidak layak.

Menurutnya, adalah perkara biasa bagi parti politik menjadikan kes seumpama itu sebagai isu dan Pas juga akan berbuat demikian terhadap lawannya.

"Tentulah kalau dia ada masalah, tentulah barisan (BN) akan guna. Yang itu biasa saja. Kalau seorang bankrap dia pergi nak jadi calon (penamaan calon), kita tahu ... kita akan protes. Itu perkara biasa," katanya selepas majlis Perjumpaan Perdana Menteri Dengan Tentera, di Kem Tok Jalai, di Kepala Batas, dekat sini hari ini.

Dr Mahathir ditanya mengenai kenyataan Pesuruhjaya Pas Perlis, Hashim Jasin semalam bahawa Pas tidak meletakkan Harun bertanding di Perlis atau Kubang Pasu seperti yang dijanjikan kerana menghadapi masalah teknikal.

Menurut Hashim, bagi mengelakan kemungkinan Harun diisytiharkan muflis kerana fail mengenai perkara itu berada pada Perdana Menteri, Pas mengambil keputusan tidak meletakkan Harun sebagai calon.

(END)